

012
Bahasa
Melayu
Kertas 2
2010
Jun
1¼ jam

NO. SURAT BERANAK

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--



JABATAN PELAJARAN

NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

CANANG 2

BAHASA MELAYU SK – PENULISAN

012

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian : Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.
2. Kamu dikehendaki menjawab ketiga-tiga bahagian .
3. Bagi Bahagian B, kamu boleh memilih sama ada menjawab Soalan 1, Soalan 2 atau Soalan 3.
4. Jawapan hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama kertas soalan.

Kod Pemeriksa:		
Bahagian	No.Soalan	Markah
A		
B		
C		
JUMLAH		60


KERTAS INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BERCETAK.

BAHAGIAN A

[10 markah.]

[Masa yang dicadangkan : 15 minit]

Tulis **lima** ayat yang lengkap tentang cara-cara mengisi masa lapang berdasarkan gambar.



CARA-CARA MENGGISI MASA LAPANG



BAHAGIAN B

[30 markah]

[Masa yang dicadangkan : 40 minit]

Pilih salah satu daripada tajuk-tajuk di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 80 patah perkataan.

1. Tulis karangan tentang cara-cara menjaga keselamatan diri ketika bermain di taman permainan.

ATAU

2. Kamu berbual dengan seorang rakan. Perkara yang dibualkan tentang pengalaman melancong bersama keluarga.

Tulis perbualan kamu itu.

ATAU

3. Ketika hendak membeli makanan di kantin, wang saku kamu telah hilang. Ceritakan tindakan-tindakan yang kamu lakukan.

BAHAGIAN C

[20 markah]

[Masa yang dicadangkan : 20 minit]

Tulis **lima** nilai murni yang boleh kamu dapati daripada petikan di bawah.

Panjangnya jawapan kamu mestilah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.

Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

Kamil diminta oleh ibunya pergi ke kedai membeli garam dan gula. Selalunya Kamil akan mengayuh basikal tetapi petang itu dia mengambil keputusan untuk berjalan kaki sahaja. Tambahan pula, sekarang dia sedang giat menjalani latihan sukan olahraga di sekolah. Sekurang-kurangnya dia dapat meningkatkan kecergasan dirinya.

Kamil seorang yang bijak. Dia selalu menjadi rujukan kepada rakan-rakan sekelasnya. Kelebihan yang dimilikinya itu tidak sedikit pun membuatkan dia meninggi diri. Malahan, dia sentiasa sahaja memberi pandangan dan tunjuk ajar apabila diperlukan oleh rakan-rakannya.

Dalam kalangan rakan-rakan, Kamil juga dikenali dengan gelaran "orang besi". Panggilan ini disebabkan Kamil telah dipilih sebagai pemain terbaik dalam pertandingan ragbi peringkat negeri. Kamil juga seorang pelari pecut sekolah. Sehingga hari ini, tiada seorang pelajar yang dapat menandingi kepantasan Kamil ketika berlari. Kamil mempunyai cita-cita yang tinggi. Dia ingin mencapai kejayaan dalam akademik dan ingin menjadi ahli sukan yang berpendidikan tinggi. Dia juga bertekad mengharumkan nama negara dalam bidang sukan suatu hari nanti.

